

BH 6/7/03

WAWASAN 2020 yang diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggariskan langkah pencapaian matlamat menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju mengikut acuan kita sendiri dari segala segi ekonomi, politik, sosial, kerohanian, kejiwaan dan kebudayaan (Malaysia: Melangkah ke hadapan, 1991). Kemajuan sepenuhnya akan dicapai dari segi perpaduan negara dan kesepaduan sosial, ekonomi, keadilan sosial, kestabilan politik sistem pemerintahan, mutu kehidupan, nilai sosial dan kerohanian, dan rasa bangga dan keyakinan akan bangsa sendiri. Kemajuan yang digariskan meliputi kawasan bandar dan luar bandar.

Falsafah dan Strategi Pembangunan Luar Bandar ke Arah Tahun 2020 yang menjadi teras Transformasi Kedua Pembangunan Luar Bandar digubal dan dilancarkan pada 1994. Falsafah ini berteraskan kepadapewujudan masyarakat luar bandar yang berdaya tahan, berinisiatif, berilmu dan memiliki nilai etika serta moral yang murni sejajar dengan hasrat Wawasan 2020, di mana masyarakat dapat menikmati tingkat kesejahteraan dan kualiti kehidupan yang sempurna.

Tujuh inisiatif dikenal pasti dan tiga (3) daripadanya memberi tumpuan kepada manusiayang menjadi sumber negara yang paling penting untuk menjamin pembangunan yang lestari. Selaras dengan Wawasan 2020, kawasan luar bandar perlu menjadi kawasan yang maju, menarik dan menguntungkan dengan kualiti kehidupan sekurang-kurangnya setara dengan norma kualiti kehidupan bagi negara secara keseluruhannya. Untuk itu, Gerakan Desa Wawasan (GDW) dilancarkan pada 4 Julai 1996.

Desa Wawasan boleh ditakrifkan sebagai desa atau kampung yang mempunyai penduduk yang berwawasan atau visi atau berhalal tuju serta dinamik dan progresif selaras dengan perkembangan semasa. Wawasan adalah peta atau lampu suluh yang menunjukkan hala tuju komuniti. Sewajarnya setiap individu, keluarga dan komuniti perlu mempunyai wawasan. Tanpa wawasan yang jelas dan dikongsi bersama sukar untuk komuniti merangka langkah serta strategi tertentu untuk membangunkan kampung. Semestinya wawasan yang dimiliki penduduk desa selaras dengan wawasan negara yang berhasrat menjadikan kampung-kampung di luar bandar maju, menarik dan menguntungkan.

Matlamat GDW adalah untuk mewujudkan anjakan minda penduduk desa ke arah komuniti yang berdaya upaya melalui penglibatan mereka merancang, melaksana dan memantau pembangunan desa masing-masing. Kunci kepada mana-mana gerakan ialah perubahan daripada kurang baik kepada baik dan peningkatan daripada yang baik kepada lebih baik. Dalam konteks ini, kemampuan kepimpinan tempatan sangat penting untuk menentukan arah tuju komuniti masing-masing. Walau bagaimanapun, matlamat GDW mendayaupayakan komuniti juga memerlukan sokongan dan input kerajaan, swasta dan badan bukan kera-

jaan untuk mewujudkan persekitaran yang membolehkan komuniti untuk membangunkan masyarakat sendiri.

GDW boleh direalisasikan dan perubahan boleh berlaku daripada dalaman (dicetuskan ahli-ahli komuniti) atau perubahan boleh dicetuskan daripada idea orang di luar daripada komuniti. Keupayaan pemimpin dan ahli komuniti mencetuskan idea untuk pembangunan kampung memerlukan sumber manusia yang berdaya kreatif, berpengetahuan dan berwawasan. Gabungan idea dalaman dan luaran ialah strategi yang boleh menjamin kesinambungan usaha pembangunan.

GDW seterusnya boleh ditakrifkan sebagai satu proses membangkitkan kesedaran dan membangunkan potensi penduduk desa untuk membawa perubahan dan pembangunan yang lebih pesat, lestari (pembangunan semasa yang tidak mendatangkan kesan negatif kepada generasi akan datang) dan seimbang di kawasan luar bandar melalui penggemblengan sumber manusia dan bukan manusia yang cekap.

Tiga prinsip utama telah digunakan sebagai strategi pelaksanaan; penumpuan, tindakan bersepadu, dan ketangkasan usaha. Usaha mendayaupayakan komuniti memerlukan usaha yang berbentuk perancangan dari bawah ke atas atau perancangan turut serta. Dalam perancangan, masyarakat kampung diharapkan dapat terlibat bersama mencetus idea serta bertindak untuk menyediakan pelan tindakan kampung. Pada masa yang sama institusi kepimpinan formal di peringkat akar umbi dikenal pasti sebagai nadi penggerak utama pembangunan desa. Semua sumber dan tenaga dari semua sektor (kerajaan, swasta, korporat dan badan bukan kerajaan) digemblengan untuk pembangunan desa.

Penggemblengan sumber manusia akan menjadi lebih mudah dan berkesan sekiranya mempunyai sumber material yang secukupnya. Ada pelbagai sumber kekayaan di kawasan luar bandar. Bagaimanapun, komuniti perlu mampu mengetahui potensinya supaya sumber tersebut dapat dibangunkan dan mendatangkan manfaat bersama.

Di samping itu, kesepaduan masyarakat desa ialah satu modal sosial yang boleh digunakan untuk membangunkan komuniti. Komuniti yang mempunyai visi/matlamat yang di kongsi bersama mampu membawa desa pada tahap yang tiada batasannya. Pendayaupayaan komuniti desa adalah asas penting pembangunan luar bandar. Pembangunan komuniti desa yang diasaskan kepada kekayaan yang sedia ada adalah penting untuk menjadikan setiap kampung unik, mempunyai 'niche' masing-masing

Gerakan desa wawasan asas kecemerlangan desa